

SIARAN MEDIA

JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM) 'SANTUNI' KOMUNITI, LANCAR KAMPUNG ANGKAT MADANI

Merbok, Kedah, 16 November 2025 – Jabatan Standard Malaysia (JSM) hari ini menterjemahkan aspirasi Ekonomi MADANI secara langsung di peringkat akar umbi dengan peluncuran rasmi program Kampung Angkat MADANI JSM di Kampung Sungai Pial, Merbok, Kedah.

Kampung Sungai Pial dipilih sebagai kampung angkat JSM berdasarkan sejarah, keunikan komuniti, dan kesediaan penduduk untuk bersama-sama menjayakan inisiatif pembangunan masyarakat. Sebanyak 7 projek fizikal dan 3 program kemasyarakatan telah dilaksanakan dengan jumlah peruntukan keseluruhan berjumlah RM1 juta.

Antara projek utama menaik taraf telah direalisasikan bagi memberi manfaat terus kepada penduduk, termasuk membaikpulih masjid, dewan orang ramai, tabika, sekolah, jalan-jalan ladang dan kampung serta kawasan kolam ikan air tawar.

Majlis yang dirasmikan oleh YBrs. Encik See Chee Kong, Ketua Pengarah JSM ini mengambil pendekatan turun padang dengan mengenal pasti dan melaksanakan projek naik taraf infrastruktur kritikal yang menjadi nadi kehidupan komuniti. Ini adalah "pembuka jalan" untuk membina kepercayaan dan memastikan komuniti berada dalam keadaan sejahtera dan kondusif untuk menerima bimbingan teknikal.

Selain itu, Sekolah Kebangsaan Singkir turut menerima manfaat melalui Projek Sekolah Angkat MADANI bernilai RM100,000 yang melibatkan projek menaik taraf prasarana sekolah di bawah Program Sekolah Angkat MADANI.

Majlis peluncuran turut diserikan dengan pelbagai aktiviti seperti Kenduri Rakyat, Sesi Mewarna Kanak-Kanak, penyampaian sumbangan kepada asnaf, Program Jualan RAHMAH MADANI, jualan Agro MADANI, pemeriksaan kesihatan serta pameran dan perkhidmatan daripada jabatan/agensi rakan strategik JSM. Program Kampung Angkat MADANI JSM di Kampung Sungai Pial ini adalah manifestasi jelas komitmen JSM dalam menterjemahkan aspirasi Ekonomi MADANI terus ke peringkat akar umbi.

----TAMAT----

**JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN, DAN INDUSTRI (MITI)
16 NOVEMBER 2025**

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang membangunkan serta mempromosikan Standard Malaysia (MS), dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pensijilan dan pemeriksaan.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik JSM
Telefon : 03-8008 2891
Faks : 03-8008 2901
E-mel : uks@jrm.gov.my